



SIARAN MEDIA

PLATINUM MALL, HAB PEMBORONGAN USAHAWAN BUMIPUTERA AKAN DIBUKA APRIL 2021

KOTA BHARU, KELANTAN 6 Mac 2021 – Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi melalui TEKUN Nasional telah mengambil langkah proaktif dalam menangani isu pemasaran produk usahawan dengan mewujudkan kemudahan dan platform perniagaan kepada para usahawan. Pewujudan hab pemborongan usahawan Bumiputera TEKUN Nasional di Platinum Mall Kota Bharu dijangka akan dapat menyokong pembangunan usahawan dalam meluaskan pasaran dan meningkatkan skala perniagaan. Hab pemborongan ini juga secara tidak langsung dapat menggalakkan ekonomi setempat serta memberi manfaat kepada usahawan di Pantai Timur seperti Kelantan, Terengganu, Pahang dan Perak Utara.

YB Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi berkata, “Melalui Platinum Mall ini usahawan Bumiputera akan ditempatkan di bawah satu bumbung bagi menjalankan perniagaan berkonsepkan pemborongan khususnya usahawan di Pantai Timur”.

Tambahnya lagi, “Platinum Mall setinggi 6 tingkat ini dengan keluasan 412,686 kps akan dapat menyediakan 1,700 lot kedai kepada usahawan khususnya usahawan pantai timur. Adalah diharapkan Platinum Mall ini akan menjadi hab pemborongan yang terbesar di pantai timur seperti pusat pemborongan Kenanga di Kuala Lumpur dan GM Klang”.

Pelbagai fasiliti disediakan di dalam Platinum Mall bagi usahawan dan masyarakat setempat seperti pejabat agensi kerajaan yang berkaitan dengan keusahawanan dan institusi kewangan.

Usahawan yang telah menerima surat tawaran penyewaan boleh masuk ke ruang premis masing-masing mulai Mac 2021 bagi urusan persediaan pembukaan Platinum Mall pada April 2021.

Platinum Mall juga akan menjadi pusat jualan dan pasaran produk-produk usahawan TEKUN dan usahawan Bumiputera yang lain. Antara produk yang akan dipasarkan adalah pakaian, barangan kesihatan, kelengkapan bayi dan kanak-kanak, kelengkapan rumah, aksesori wanita, gajet serta aksesori telefon bimbit, beg, kasut dan lain-lain.

Bagi membantu usahawan yang berminat untuk berniaga di Platinum Mall, TEKUN Nasional menyediakan bantuan pembiayaan melalui pakej-pakej pembiayaan yang ditawarkan dengan nilai maksimum sehingga RM100 ribu. Selain itu, TEKUN Nasional turut menawarkan pembekalan produk dan barangan melalui TEKUN Corporation. Usahawan yang berminat untuk berniaga di Platinum Mall boleh mendapatkan maklumat lanjut di fb@PlatinumMallKB atau ajukan pertanyaan di sewaplatinum@tekun.gov.my.

Sejak diwujudkan pada tahun 1998 sehingga Januari 2021, TEKUN Nasional telah memberi pembiayaan perniagaan kepada 475,487 orang usahawan yang bernilai RM6.43 billion di seluruh negara. Manakala bagi negeri Kelantan, seramai 41,037 orang usahawan telah menerima pembiayaan TEKUN berjumlah RM566 juta dalam tempoh yang sama.

Ini menunjukkan kerajaan melalui TEKUN Nasional sememangnya komited dalam membantu usahawan Melayu dan Bumiputera dalam menyediakan pembiayaan mikro serta pembangunan usahawan.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI